

## RESEARCH ARTICLE

# FAKTOR PENGARUH TARAF KEHIDUPAN ASNAF DI BAWAH PROGRAM PRIHATIN ASNAF MASJID LAMA PERMATANG BADAK, KUANTAN

## (Affecting Factor the Standard of Life of Asnaf under the Care Program of Asnaf Masjid Lama Permatang Badak, Kuantan)

Mohamad Hilmi Mat Said, Noryanti Muhammad, Norsuhaila Musa

Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lebu Persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300 Pahang, Malaysia

**ABSTRACT** - Post covid has seen changes to the standard of living of the community due to the effects of covid 19 which hit Malaysia for about two years. The researcher was called to do a study on the factors that affect the standard of living of asnaf under the asnaf care program of the Masjid Lama Permatang Badak (MLPB), Kuantan Pahang. This study aims to see to what extent the factors that lead to poverty mentioned in Kitab al-Adab written by Al-Habib Zain Bin Ibrahim correspond to the situation of Asnaf itself. Through the book, page 324, no. 34, entitled Manners When Poor and Rich under the sub topic "Manners When Poor" which lists 14 factors that can lead to poverty. Is the list of 14 factors found in MLPB zakat recipients or vice versa. For the purpose of this study, the researcher has tried to build an instrument in the form of a questionnaire prepared from the 14 factors stated in the book. This preliminary study was conducted on 30 asnaf selected to fill out the questionnaire. The results of the questionnaire that was developed found that 14 factors that lead to poverty have a basis. However, due to the processing of the questionnaire which is still at an early stage and the form filling method by the asnaf is not perfect, the researcher found that the findings of this study can still be improved. The suggested improvements are better processing or updating of questionnaires, a larger number of asnafs and a method or guide for filling in questionnaires by asnafs who are more thorough and respondent-friendly.

**ABSTRAK** - Pasca covid telah menyaksikan perubahan terhadap taraf kehidupan masyarakat disebabkan kesan COVID 19 yang melanda Malaysia selama lebih kurang dua tahun. Pengkaji terpengkil untuk membuat satu kajian terhadap faktor yang mempengaruhi taraf kehidupan asnaf di bawah program prihatin asnaf Masjid Lama Permatang Badak (MLPB), Kuantan Pahang. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana faktor-faktor yang membawa kemiskinan yang disebut dalam Kitab al-Adab karangan Al-Habib Zain Bin Ibrahim menepati situasi Asnaf itu sendiri. Melalui kitab tersebut muka surat 324, no 34, bertajuk Adab Ketika dalam Keadaan Miskin dan Kaya di bawah sub topik "Adab ketika dalam Keadaan Miskin" yang menyenaraikan 14 faktor yang boleh membawa kepada kemiskinan. Adakah senarai 14 faktor tersebut terdapat dalam diri para asnaf zakat MLPB atau sebaliknya. Bagi tujuan kajian ini pengkaji telah berusaha membina instrument berupa soal selidik hasil olahan dari 14 faktor yang dinyatakan dalam Kitab tersebut. Kajian peringkat awal ini dilakukan kepada 30 asnaf terpilih untuk mengisi borang soal selidik tersebut. Hasil dapatan dari soal selidik yang dibangunkan tersebut di dapati 14 faktor yang membawa kemiskinan tersebut mempunyai asasnya. Namun, oleh kerana pengolahan soal selidik yang masih diperingkat awal dan kaedah pengisian borang oleh asnaf yang kurang sempurna, maka pengkaji mendapati dapatan kajian ini masih boleh ditambah baik. Penambahbaikan yang dicadangkan ialah dengan pengolahan atau kemaskini soalan soal selidik yang lebih baik, bilangan asnaf yang lebih ramai dan kaedah atau panduan mengisi borang soal selidik oleh asnaf yang lebih tuntas dan mesra responden.

### ARTICLE HISTORY

Received : 04<sup>th</sup> Jan. 2024

Revised : 20<sup>th</sup> Mar. 2024

Accepted : 30<sup>th</sup> Oct. 2024

Published : 29<sup>th</sup> Nov. 2024

### KEYWORDS

Asnaf zakat

Poverty factor

Kitab al-Adab

### KATA KUNCI

Zakat asnaf

Faktor kemiskinan

Kitab al-Adab

## PENDAHULUAN

Islam merupakan agama amat menitikberatkan hal-ehwal asnaf zakat menerusi bantuan zakat seperti zakat harta atau zakat fitrah. Pensyariatkan zakat dinyatakan dalam Al-Quran bertujuan membantu golongan fakir dan miskin dalam menjalani kehidupan dengan lebih baik dan selesa. Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 103.

*“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui.”*

At-Taubah:103

Terdapat pelbagai bantuan zakat oleh agensi kerajaan, antaranya Program Dapur Zakat anjuran Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP). Manakala Masjid Lama Permatang Badak (MLPB) mengambil inisiatif dengan mewujudkan tabung khas bantuan zakat kepada asnaf di Kampung Permatang Badak secara bulanan. Begitu juga pihak Koperasi Masjid Lama Permatang Badak (KMLPB) mewujudkan tabung khas melalui kaunter Pasar Mini untuk anak yatim, ibu tunggal, dan fakir miskin. Hasil tabung khas ini diberikan kepada 200 keluarga Asnaf zakat (peringkat awal) di Kampung Permatang Badak. Kaedah pemberian bantuan bulanan kepada asnaf adalah melalui pemberian kupon bernilai RM 50 setiap bulan dan boleh ditebus di kaunter Pasar Mini KMLPB menerusi pembelian barangan keperluan di Pasar Mini Koperasi MLPB (bersebelahan MLPB).

Bilangan asnaf terdiri 200 keluarga menimbulkan persoalan berkaitan faktor-faktor mempengaruhi taraf kehidupan asnaf bawah Program Prihatin Asnaf MLPB. Wujud perbincangan mengenai pembasmian kemiskinan menurut perspektif Islam (Naseeri Taib: 1993), namun tajuk ini dipilih berdasarkan sub tajuk Kitab al-Adab, Kitab Adab Mencakup 50 Adab Dalam 50 Keadaan karangan Al-Habib Zain bin Ibrahim melalui bab no. 34 bertajuk Adab Ketika dalam Keadaan Miskin dan Kaya: penyebab terjadinya kemiskinan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti saranan ulama berkaitan isu penyebab kemiskinan bersesuaian dengan situasi semasa kalangan asnaf zakat. Hasil kajian seterusnya digunakan pakai bertujuan membangunkan instrumen intervensi dalam bentuk garis panduan membantu asnaf keluar dari situasi kemiskinan.

Para ulama' dalam kitab seperti dinyatakan menyenaraikan *“Di antara perbuatan-perbuatan yang dapat menyebabkan seseorang menjadi miskin iaitu berdasarkan riwayat dari kefahaman atau garapan dari sesebuah hadis dan juga dari nasihat atau kalam hikmah (kata-kata motivasi) para salafis soleh adalah seperti berikut”*:

- Tidak menjaga solatnya
- Terburu-buru keluar dari masjid setelah melaksanakan solat Subuh kecuali terdapat uzur
- Tidak membersihkan sarang labah-labah yang terdapat di dalam rumah
- Mengeringkan air yang terdapat di wajah dengan menggunakan baju yang sedang dipakainya tanpa terdapat uzur
- Makan atau minum dalam keadaan janabah
- Isteri mencaci suaminya
- Berdiri telanjang tanpa penutup aurat
- Tidur dalam keadaan telanjang
- Berzina
- Membersihkan sampah yang terdapat di dalam rumah pada waktu malam
- Banyak tidur
- Duduk di posisi pintu rumah
- Memakai sikat yang rosak
- Membiarkan mangkuk dalam keadaan kotor pada malam hari (tidak mencucinya)

## PERMASALAHAN KAJIAN

Golongan fakir miskin atau istilah Asnaf Zakat dalam kajian ini dikenal pasti semakin meningkat. Situasi ini perlu ditangani bertujuan tidak menjadi fitnah kepada umat Islam. Hasil tinjauan literatur dan pembacaan kitab Al-Adab terdapat tajuk menyatakan penyebab individu menjadi miskin. Kajian ini juga bertujuan meneliti sejauhmana 13 faktor ini penyebab ini wujud pada Asnaf dan bagaimana boleh dijauhkan bertujuan mengeluarkan dari definisi kemiskinan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor menyebabkan kemiskinan, menurut pandangan ulama' fiqh dan sejauhmana faktor tersebut wujud dalam kalangan asnaf di Kampung Permatang Badak. Maka hipotesis untuk kajian ini yang berdasarkan objektif adalah seperti berikut:

- 1) Untuk mengetahui perkaitan signifikan antara pelaksanaan ibadah, penjagaan kebersihan dan penerapan nilai akhlak dengan pendapatan asnaf.
  - $H_0 : \rho_i = 0$
  - $H_1 : \rho_i \neq 0$

- 2) Untuk mengetahui kepentingan hubungan yang signifikan antara pelaksanaan ibadah, penjagaan kebersihan dan penerapan nilai akhlak dengan pendapatan asnaf.
- $H_0 : \beta_i = 0$
  - $H_1 : \beta_i \neq 0$  (sekurang-kurangnya satu  $\beta_i$ )

## METODOLOGI

### *Kutipan Data*

Kajian ini menghasilkan borang soal selidik kepada asnaf zakat terlibat dengan 14 konstruk yang merujuk faktor penyebab kemiskinan menurut Kitab al-Adab, karangan Al-'Allamah Al-Habib Zain bin Ibrahim bin Zain bin Sumaith Ba'lawi. Borang soal selidik mempunyai dua bahagian; Bahagian A (Demografi) dan Bahagian B (Faktor Mempengaruhi Taraf Kehidupan Golongan Asnaf Menurut Pandangan Ulama'). Bahagian B ini terbahagi kepada 3 konstruk; (i) Pelaksanaan Ibadah, (ii) Penjagaan Kebersihan, dan (iii) Penerapan Nilai Akhlak. Setiap konstruk mempunyai 4-6 soalan dengan skala likert lima mata sebagai pengukur kecenderungan memusat.

### *Analisis Kebolehpercayaan*

Kebergantungan soal selidik ini dalam mencapai objektif kajian boleh ditentukan dengan nilai Alfa Cronbach ( $\alpha$ ). Nilai  $\alpha$  yang tinggi menandakan soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik ini konsisten dan boleh dipercayai bagi menjelaskan sesuatu faktor. Borang soal selidik ini boleh diterima jika nilai  $\alpha$  berada dalam lingkungan 0.7 sehingga 1.

### *Analisis Korelasi*

Perkaitan hubungan antara dua pemboleh ubah berterusan diukur menggunakan nilai pekali korelasi Pearson ( $r$ ). Nilai  $r$  menunjukkan kekuatan kaitan antara dua pemboleh ubah. Seterusnya pekali penentuan ( $r^2$ ) menunjukkan sebanyak mana satu pemboleh ubah mempengaruhi pemboleh ubah lain.  $H_0$  ditolak jika nilai- $p$  kurang dari aras bererti (0.05) (Frost, 2020).

## HASIL DAPATAN

### *Penyediaan Data*

Pemboleh ubah terkawal kajian ini merujuk kepada tiga konstruk Bahagian B; pelaksanaan ibadah ( $x_1$ ), penjagaan kebersihan ( $x_2$ ), dan penerapan nilai akhlak ( $x_3$ ). Nilai  $x_1$  hingga  $x_3$  merujuk pada hasil tambah skor skala Likert untuk satu-satu item. Manakala, pemboleh ubah tindak balas bagi kajian ini adalah Pendapatan Bulanan ( $y$ ) yang diubah menjadi nilai diskret. Terdapat tiga kategori untuk pemboleh ubah  $y$ , RM1500 ke bawah, RM1501-RM2000, dan RM2001 ke atas. Namun, untuk kajian ini nilai  $y$  diubah menjadi nilai diskret melalui penggunaan fungsi RANDBETWEEN dalam perisian Microsoft Excel.


Walau bagaimanapun, data ini diproses terlebih dahulu. Terdapat beberapa respon yang tidak berjawab (data hilang) daripada data mentah yang dikutip. Maka, untuk soalan-soalan yang terlibat sebagai pemboleh ubah kajian ini digantikan dengan nilai-nilai sepatutnya melalui kaedah interpolasi. Memandangkan respon  $y$  yang dikutip tidak seimbang, nilai rawak untuk kategori RM1501-RM2000 dan RM2001 ke atas digantikan pada data hilang pemboleh ubah  $y$ . Data hilang yang masih berbaki dikecualikan. Perisian R dan Microsoft Excel digunakan untuk kajian ini.

### *Statistik Deskriptif*


Seramai 34 responden terlibat menjawab borang soal selidik. Majoriti responden adalah perempuan (25) dan 26 responden berumur 41 tahun dan ke atas. Manakala, sekitar 65% daripada responden ini berpendapatan bawah dari RM1,500. Rajah 1-3 dan Jadual 1 menunjukkan demografi responden.



Rajah 1. Komposisi jantina



Rajah 2. Komposisi umur responden



Rajah 3. Pendapatan responden

Jadual 1. Rumusan statistik untuk tanggungan

Bilangan Tanggungan	
Min	2.82
Sisihan Piawai	1.89
Varians	3.56

Seterusnya, nilai  $\alpha$  untuk borang soal selidik tertera di Jadual 2 merujuk pada kesemua respon terkumpul iaitu sebanyak 34 responden. Oleh itu, kebergantungan soalan-soalan dalam borang soal selidik ini boleh dipercayai bagi memenuhi objektif kajian kerana melebihi 0.7.

Jadual 2. Alfa Cronbach untuk borang soal selidik kajian

Bahagian	Alfa Cronbach	
Pelaksanaan Ibadah	0.95	
Penjagaan Kebersihan	0.98	0.99
Penerapan Nilai Akhlak	0.98	

Nilai kecenderungan memusat Bahagian B ditunjukkan pada Jadual 3 iaitu berdasarkan skor skala Likert daripada responden. Secara puratanya, responden kajian ini mempunyai pengetahuan asas dan menunaikan kewajipan wajib dalam Pelaksanaan Ibadah dengan min = 4.35. Ini menunjukkan responden mengetahui tatacara pelaksanaan ibadah. Manakala penjagaan kebersihan (min = 4.52) diri dan persekitaran selari dengan ajaran Islam. Begitu juga dengan Penerapan Nilai Akhlak yang mempunyai min 4.5. Responden mengetahui tentang adab dan batas perlu diamalkan dalam kehidupan seharian. Sisihan piawai dan varians semua item mempunyai nilai rendah yang menunjukkan terdapat kelainan jawapan antara responden untuk setiap soalan tetapi tidak ketara.

Jadual 3. Nilai kecenderungan memusat

Soalan	Min	Sisihan Piawai	Varians
1	4.52	4.35	1.16 1.17 1.34 1.37
2	4.61		1.07 1.15
3	4.45		1.16 1.34
4	4.36		1.15 1.32
5	3.79		1.30 1.68
6	4.58	4.52	1.16 1.09 1.34 1.20
7	4.52		1.16 1.34
8	4.45		1.16 1.34
9	4.61		0.98 0.97
10	4.52		0.99 0.98
11	4.45		1.10 1.22
12	4.52	4.50	1.11 1.07 1.04 1.15
13	4.39		1.18 1.39
14	4.52		1.08 1.16
15	4.58		1.02 1.03
Keseluruhan	4.46		1.11 1.24

### Ujian Semakan Andaian

Metodologi MLR mempunyai beberapa andaian yang perlu diuji sebelum analisis seperti ujian normaliti, tiada multikolineariti, linear dan pemboleh ubah yang tidak bersandar. Mempertimbangkan jumlah pemerhatian ( $n = 34$ ) yang sedikit, kesemua andaian dianggap dipenuhi. Hal ini kerana, pemerhatian yang ada tidak cukup untuk menggambarkan ciri-ciri populasi asnaf di Kampung Permatang Badak.

### Analisis Korelasi

Analisis korelasi dijalankan untuk memenuhi objektif pertama. Jadual 4 menunjukkan nilai  $r_i$  antara pemboleh ubah  $x_i$  dan  $y$ . Selain daripada Pelaksanaan Ibadah,  $x_2$  dan  $x_3$  mempunyai korelasi yang positif. Kesemua pemboleh ubah  $x_i$  mempunyai perkaitan yang lemah. Ini mungkin disebabkan jumlah sampel yang kecil. Ditambah lagi  $p$ -value untuk setiap pemboleh ubah  $x_i$  melebihi aras bererti, 0.05 yang menyebabkan  $H_0$  diterima. Berikutan itu, tiada perkaitan signifikan antara pelaksanaan ibadah, penjagaan kebersihan, dan penerapan nilai akhlak dengan pendapatan bulanan asnaf.

Jadual 3. Korelasi antara pemboleh ubah kajian

Korelasi ( $r_i$ )	$x_1$	$x_2$	$x_3$
$y$	-0.0548	0.1437	0.1314
$p$ -value	0.7582	0.4176	0.4590

Jadual 4 adalah hasil analisis korelasi. Nilai  $\beta_i$  diperolehi melalui ujian *two t-tailed*. Maklumat untuk objektif kedua diperolehi berdasarkan pada  $p$ -value ( $\Pr(>|t|)$ ) untuk setiap pemboleh ubah  $x_i$ .  $P$ -value yang kurang daripada angka bererti, 0.05 adalah pintasan dan  $x_1$  (Sumx1) yang masing-masing mempunyai  $p$ -value 0.0000449 dan 0.0475.  $H_0$  untuk  $\beta_1$  ditolak membawa kepada keputusan bahawa Pelaksanaan Ibadah mempunyai perkaitan hubungan yang signifikan dan memberi kesan pada nilai Pendapatan Bulanan asnaf. Di samping itu,  $H_0$  untuk  $\beta_2$  dan  $\beta_3$  diterima kerana  $p$ -value untuk  $x_2$  (Sumx2) (0.3451) dan  $x_3$  (Sumx3) (0.9227) melebihi angka bererti, 0.05. Oleh itu, Penjagaan Kebersihan dan Penerapan Nilai Akhlak tidak mempunyai perkaitan hubungan yang signifikan dan tidak memberi kesan pada Pendapatan Bulanan asnaf.

### KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti perkaitan antara pelaksanaan ibadah, penjagaan kebersihan dan penerapan nilai akhlak dengan pendapatan bulanan asnaf. Analisis korelasi mendapati tiada faktor dinyatakan memberi perkaitan signifikan kepada pendapatan bulanan asnaf atau kesemua faktor mempunyai hubungan korelasi yang rendah. Dapatan ini diandaikan bilangan responden rendah dan kajian di peringkat awal. Antara tiga faktor dinyatakan, hanya pelaksanaan ibadah mempunyai hubungan signifikan dengan pendapatan bulanan asnaf.

### RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Frost, J. (2020). *Introduction to Statistics: An Intuitive Guide for Analyzing Data and Unlocking Discoveries*. Statistics. Jim Publishing

Taib, N. (1993). Islam dan pembasmian kemiskinan. Faculty of Management and Human Resource Development. [http://eprints.utm.my/9879/1/ARTNasseriTaib1993\\_IslamDanPembasmianKemiskinan.pdf](http://eprints.utm.my/9879/1/ARTNasseriTaib1993_IslamDanPembasmianKemiskinan.pdf). Capaian 19 Mei 2024.

Yusof, N. (2021). Program dapur zakat, Muip sedia dana RM5juta. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/155085/edisi/program-dapur-zakat-muip-sedia-dana-rm5juta>. Capaian 19 Mei 2024.

Zain bin Ibrahim (1441H). Kitab al-Adab, Kitab Adab Mencakup 50 Adab Dalam 50 Keadaan. Pustaka Syeikh Abu Bakar bin Salim, Indonesia.